



LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG
PEKELILING KETUA PENGARAH BILANGAN 3 TAHUN 2012

**PELAKSANAAN URUSAN PERKHIDMATAN PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM
PERSEKUTUAN DI BAWAH SISTEM SARAAAN MALAYSIA**

1. TUJUAN

Pekeliling Ketua Pengarah ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan kerajaan untuk memaklumkan pelaksanaan urusan perkhidmatan pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang dikekalkan mengikut Sistem Saraan Malaysia (SSM) selaras dengan keputusan Kerajaan sebagaimana diumumkan pada 8 Mac 2012.

2. LATAR BELAKANG

Berikutan daripada keputusan SSM dikekalkan dan ditambah baik, semua urusan perkhidmatan termasuk pelantikan yang dikuatkuasakan mulai 1 Januari 2012, yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan ini, akan kembali mengguna pakai ketetapan dan peraturan sebelum 1 Januari 2012.

3. KEPUTUSAN

Adalah diputuskan bahawa Lembaga Pertubuhan Peladang menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bil.4 Tahun 2012 mengenai Pelaksanaan Urusan Perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Bawah Sistem Saraan Malaysia yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2012 dan telah dikeluarkan pada 15 Mei 2012.

4. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling Ketua Pengarah ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2012.

Sekian, terima kasih.

(DATO' ARPAN SHAH BIN SATU)

Ketua Pengarah
Lembaga Pertubuhan Peladang.

Ogos 2012

Edaran kepada:

- Semua Timbalan Ketua Pengarah
- Semua Pengarah Bahagian
- Semua Pengarah LPP Negeri
- Pengurus Cawangan Audit Dalam
- Ketua Cawangan Undang-Undang
- Setiausaha Kesatuan